

Silat jadi wadah tarik Melayu ke CC

BERITA HARIAN, 13 May 2005, Page 10

Article also available on Microfilm Reel NL26195

Printer-Friendly Page

Silat jadi wadah tarik Melayu ke CC

Presiden Persisi yang kini anggota Lembaga Pengurusan Persatuan Rakyat mahu kembangkan seni

HASRATNYA adalah untuk memperkembangkan seni silat Singapura sehingga mendapat pengiktirafan tinggi di persada dunia.

Soraya Salim Demi mencapai cita-cita itu, Presiden Persatuan Silat Singapura (Persisi), Encik Abdullah Shafie Mohamed Sidik, ingin melakukannya dari peringkat awal lagi — memperkenalkan dan mempromosikan seni pertahanan diri itu kepada lebih ramai orang

menerusi kelab-kelab masyarakat (CC).

Dan untuk mempertingkatkan lagi taraf seni silat yang diajar di CC, Encik Abdullah, 46 tahun, ingin memperkenalkan sistem yang memerlukan para jurulatih memperoleh Sijil Bimbingan dari Majlis Sukan Singapura.

Dengan pelantikan barunya ke dalam Lembaga Pengurusan Persatuan Rakyat (PA) pada 28 April lalu, beliau dapat melangkah setapak lagi ke hadapan untuk mencapai impiannya.

apa bangsa mereka. Ini merupakan satu lagi potensi," kata bapa dua orang anak itu, yang juga Pengerusi Kumpulan Keyakinan Antara Kaum (IRCC) Joo Chiat.

Beliau menambah, dalam pada memberi fokus kepada silat, lain-lain kegiatan Melayu seperti tari, dikir barat serta muzik Melayu tidak diabaikan.

Encik Abdullah merupakan satu-satunya muka baru yang dipilih untuk duduk dalam Lembaga Pengurusan PA. Beliau mengambil alih tempat Setiausaha Agung Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu,

Dihubungi *Berita Harian* baru-baru ini, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perundangan Rakyat (CCC) Joo Chiat itu berkata beliau ingin mendapatkan penyertaan lebih ramai orang Melayu ke dalam kegiatan CC.

"Dan silat merupakan satu daripada caranya. Saya perhatikan bahawa kelas-kelas silat di CC telah berjaya menarik lebih ramai orang Melayu.

"Dalam pada itu, silat juga semakin popular di kalangan remaja berusia di bawah 21 tahun, tidak kira


Encik Ja'afar Sidin, yang telah berkhidmat dalam lembaga itu selama enam tahun.

Tiga ahli korporat lain yang dilantik semula ialah Letenan Kolonel (Bersara) Timothy James de Souza, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pengakap Singapura, Encik Tan Cheng Kiong; dan Presiden Persatuan Fotografi Singapura, Encik David Tay Poey Cher.

Lembaga itu dipengerusikan Perdana Menteri Lee Hsien Loong, dan dibantu Menteri Ehsan Dalam Negeri, Encik Wong Kan Seng, sebagai Timbalan Pengerusi.

"Dan silat merupakan satu daripada caranya. Saya perhatikan bahawa kelas-kelas silat di CC telah berjaya menarik lebih ramai orang Melayu. Dalam pada itu, silat juga semakin popular di kalangan remaja berusia di bawah 21 tahun, tidak kira apa bangsa mereka. Ini merupakan satu lagi potensi."

— Encik Abdullah Shafie Mohamed Sidik, Presiden Persisi yang dilantik menganggotai Lembaga Pengurusan Persatuan Rakyat, mengenai penyertaan lebih ramai orang Melayu di CC.



LUAS PERANAH: Encik Abdullah Shafie kini dilantik menjadi anggota Lembaga Pengurusan Persatuan Rakyat. foto fail